



جَبَاتَانِ هَالِ اِهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

08 Rabiulawal 1448H/21 OGOS 2026M

“MENELADANI RASULULLAH SAW MEMBINA UMMAH SEJAHTERA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Pada hari yang mulia ini, mimbar menyeru para jamaah agar memberikan tumpuan sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh mengurangkan pahala Jumaat kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan penuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Pada hari ini, mimbar akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Meneladani Rasulullah SAW Membina Ummah Sejahtera”** selari dengan tema bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sabah tahun 1448 Hijrah/2026 Masihi, iaitu **Madani Dihayati, Ummah Diberkati**.

MUSLIMIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Kecintaan kepada Rasulullah SAW tidak seharusnya terhenti pada ucapan dan sambutan semata-mata, tetapi hendaklah diterjemahkan melalui amalan dalam kehidupan seharian. Firman Allah SWT melalui surah Ali 'Imran ayat 31 yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah sebentar tadi **yang bermaksud:** *“Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

Ayat ini menjelaskan bahawa kecintaan kepada Rasulullah SAW hendaklah dibuktikan dengan mengikuti petunjuk dan sunnah Baginda SAW sebagai contoh terbaik dalam ibadah, akhlak, kepimpinan, kehidupan berkeluarga dan menjaga hubungan sesama manusia. Allah SWT turut berfirman melalui surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ
وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”*.

Rasulullah SAW sentiasa menunjukkan sifat penyayang, pemaaf, penyabar, amanah dan berlaku adil. Sifat-sifat tersebut hendaklah kita hayati dan amalkan dalam kehidupan seharian agar menjadi sebahagian daripada akhlak dan keperibadian kita. Baginda SAW tidak membalas kejahatan dengan kejahatan, bahkan berusaha mendidik manusia

dengan penuh hikmah dan kasih sayang. Dalam hadis sahih, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ.

Maksudnya: “Barang siapa yang tidak menyayangi, dia tidak akan disayangi.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kehidupan sejahtera perlu dibina atas dasar kasih sayang. Kasih sayang hendaklah dizahirkan kepada ibu bapa, pasangan, anak-anak, jiran tetangga dan seluruh anggota masyarakat. Masyarakat yang kehilangan kasih sayang akan mudah dipenuhi persengketaan, budaya buli, fitnah dan permusuhan. Sebaliknya, masyarakat yang menghayati akhlak Rasulullah SAW akan lebih mudah membina kehidupan yang aman dan harmoni.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Baginda SAW menunjukkan bahawa kekuatan sesebuah masyarakat bukan hanya bergantung kepada kemajuan material, tetapi turut dibina melalui iman, ilmu dan akhlak yang mulia. Dalam kehidupan bermasyarakat, Rasulullah SAW mengajar umatnya agar saling menghormati, membantu golongan yang memerlukan, menjaga hak sesama manusia dan menjauhi perpecahan. Nilai-nilai inilah yang perlu kita terapkan dalam keluarga, masyarakat dan tempat kerja agar terbentuk sebuah ummah yang aman, bersatu padu dan diberkati Allah SWT.

Di samping itu, Rasulullah SAW mengajar umatnya agar berlaku adil kepada semua pihak. Islam tidak membenarkan seseorang dizalimi hanya kerana perbezaan agama, bangsa atau kedudukan. Rasulullah

SAW memberikan peringatan yang sangat tegas dalam sabdanya **yang bermaksud**: *“Barang siapa membunuh seseorang yang berada dalam perjanjian perlindungan, dia tidak akan mencium bau syurga, sedangkan baunya dapat dihidu dari jarak perjalanan empat puluh tahun.”* (Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menunjukkan betapa beratnya dosa melakukan kezaliman terhadap orang yang berada di bawah perlindungan dan perjanjian. Ibrahnya, keamanan masyarakat hendaklah dibina atas dasar keadilan, amanah dan penghormatan terhadap hak. Dalam kehidupan bermasyarakat, elakkan budaya fitnah, buli, keganasan, diskriminasi dan tindakan yang boleh menimbulkan permusuhan. Antara kejayaan besar Rasulullah SAW ialah berjaya menyatukan masyarakat yang berbeza latar belakang. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Madinah berdepan perbalahan dan perpecahan. Setelah penghijrahan Rasulullah SAW ke Kota Madinah, Baginda SAW mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar serta membina aturan kehidupan bersama masyarakat Madinah. Baginda SAW tidak membina masyarakat dengan menghapuskan perbezaan, tetapi mengurus perbezaan berdasarkan keadilan, tanggungjawab, perjanjian dan kepentingan bersama. Dengan Peristiwa tersebut, maka termeterainya Piagam Madinah yang menjadi salah satu contoh penting bagaimana Rasulullah SAW mengatur kehidupan masyarakat yang terdiri daripada kelompok yang berbeza agama dan suku kaum. Ingatlah, perbezaan bukan alasan untuk kita bermusuhan. Dalam konteks negara kita yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Kita hendaklah mencontohi kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam memelihara keamanan dan keharmonian. Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat ayat 13 **yang**

bermaksud: *“Dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu saling berkenal-kenalan.”*

Oleh itu, marilah kita memperkukuh perpaduan, menghormati perbezaan dan bekerjasama dalam perkara yang membawa kebaikan kepada masyarakat.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Menyimpul khutbah di hari yang mulia ini, jadikanlah Rasulullah SAW sebagai teladan dengan membina kehidupan sejahtera sekaligus membina keluarga yang harmoni. Teladanilah akhlak Baginda SAW, kukuhkanlah persaudaraan, tegakkan keadilan, hormati perbezaan dan peliharalah keamanan. Mimbar turut mengajak para jamaah sekalian, agar sentiasa memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi junjungan kita Nabi Muhammad SAW dengan menghidupkan sunnah serta mencontohi akhlak mulianya, sekali gus menyuburkan kecintaan kepada Rasulullah SAW dengan mengenali perjuangan, menghayati sirah dan keperibadian Rasulullah SAW sebagai panduan dalam membina kehidupan yang beriman, berakhlak dan sejahtera. Marilah kita berdoa agar Allah SWT menjadikan kita umat yang benar-benar mencintai Rasulullah SAW, teguh imannya, mulia akhlaknya, dikurniakan syafaat Baginda SAW pada hari akhirat dan sentiasa mendapat keberkatan serta rahmat Allah SWT.

Dengan nilai inilah kita mampu membentuk ummah yang bersatu, masyarakat yang sejahtera, negara yang aman serta diberkati Allah SWT. Firman Allah SWT melalui surah Ali 'Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا... ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai...”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Dalam memupuk kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW, mimbar menyeru para jamaah sekalian agar bersama-sama menghayati dan menyemarakkan **Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sabah 1448 Hijrah/2026 Masihi** yang bakal diadakan pada **25 Ogos 2026 bersamaan 12 Rabiulawal 1448 Hijrah** di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu. Marilah kita menjadikan sambutan ini sebagai medan untuk memperbaharui kecintaan kepada Rasulullah SAW serta berusaha mengamalkan ajaran Baginda SAW demi membina ummah yang beriman, berakhlak dan sejahtera.

فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَحَامَةِ

الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوْتَامِ يَغْ دَفَرْتَوَا نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, Bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin, dan di setiap pelosok alam yang dicengkam kezaliman. Jadilah Engkau sebaik-baik Pelindung yang memayungi mereka, Penolong yang mengubati duka lara mereka, dan Penyokong yang meneguhkan langkah mereka.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan *sakinah*, *mawaddah* dan *rahmah*. Jadikanlah rumah tangga kami sebagai madrasah yang menyemai iman dan ketakwaan dalam diri anak-anak kami.

Ya Allah, kurniakanlah kami rezeki untuk sentiasa mengikuti sunnah Rasulullah SAW, berpegang teguh dengan petunjuknya, meneladani akhlakunya yang mulia dalam kehidupan seharian kami, sehingga kami bertemu dengan-Mu dalam keadaan reda dan diredai.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegaskan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, kurniakanlah kami kekuatan agar dapat menghadirkan diri dalam solat Subuh, sebagaimana ramainya kami hadir menunaikan solat Jumaat

pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com